



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**  
**26 Mac 2022**

### **MCMC RAIH ANUGERAH TENAGA KEBANGSAAN (NEA) BAGI BANGUNAN HIJAU TERBAIK**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah meraih Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) 2021 bagi kategori Bangunan Cekap Tenaga iaitu Bangunan Hijau Besar Terbaik pada Majlis Anugerah NEA yang berlangsung di Kuala Lumpur semalam.

Kejayaan ini adalah bukti komitmen MCMC terhadap prinsip-prinsip dan nilai di bawah konsep pengurusan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus atau ESG iaitu menekankan keseimbangan antara kemajuan dan keharmonian dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan.



**Gambar 1: Pengerusi MCMC Dato' Dr. Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek (tengah) bersama Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.**

**Gambar 2: Pemenang dalam acara Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) 2021 di Kuala Lumpur.**



**Gambar 3 & 4 : Trofi dan Sijil yang diterima pihak MCMC dalam Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) 2021.**

Bangunan MCMC HQ Tower 1 merupakan mercu tanda utama di Cyberjaya. Anugerah berkenaan diberikan kepada MCMC HQ Tower 1 berpandukan kepada beberapa aspek seperti reka bentuk bangunan hijau berkenaan, operasi serta penyelenggaraannya.





**GAMBAR 5: BANGUNAN MCMC HQ Tower 1 di Cyberjaya dinobatkan sebagai Bangunan Hijau Besar Terbaik bagi kategori Bangunan Cepak Tenaga pada majlis Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) 2021 baru-baru ini.**

**GAMBAR 6: KEADAAN di bahagian bumbung bangunan MCMC HQ Tower 1 yang mesra alam sekitar.**

**GAMBAR 7: KOLAM Ikan Koi di hadapan pintu masuk MCMC HQ Tower 1.**

Kejayaan tersebut merupakan perkembangan yang sangat signifikan dalam membantu pengurangan pelepasan karbon ke udara selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkasakan pembangunan lestari di Malaysia.

Antara usaha-usaha yang diambil untuk mencapai status bangunan hijau termasuklah tumpuan kepada penjimatan tenaga, kecekapan air, serta kualiti persekitaran di dalam bangunan dan kelestarian alam sekitar. Kuasa solar, taman hijau di bumbung bangunan, penuaian hujan dan angin serta kolam ikan Koi adalah antara ciri-ciri yang kelihatan di MCMC HQ Tower 1 dalam usaha pihak Suruhanjaya mengekalkan persekitaran hijau

Usaha pembangunan kelestarian alam sekitar oleh MCMC ini juga sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 yang menumpu kepada pendekatan ekonomi hijau dan hasrat Kerajaan untuk mencapai aspirasi bagi menjadi sebuah negara yang neutral karbon seawal-awalnya tahun 2050.

MCMC akan terus memberi komitmen untuk menerajui dalam pembangunan kelestarian alam sekitar dan pembangunan hijau demi kepentingan generasi datang.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV